

**Muhyiddin: Subjek BM diajar 240 minit seminggu di sekolah vernakular**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 6 , 2013**  
**Oleh Hasbullah Awang Chik**

Tan Sri Muhyiddin Yassin (gambar) hari ini melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 yang menggariskan tambahan masa 240 minit untuk pembelajaran subjek Bahasa Melayu di sekolah vernakular seluruh Malaysia.

Katanya, pendekatan yang dipersetujui itu sama sekali tidak akan menghapuskan pembelajaran bahasa ibunda masing-masing di sekolah vernakular.

"Kerajaan sentiasa menggalakkan pelajarinya menguasai bahasa tambahan seperti bahasa Perancis dan bahasa Arab maka bahasa ibunda masih boleh terus diajarkan di sekolah vernakular.

"Diharapkan dengan pendekatan ini, sekolah vernakular mampu setaraf dengan sistem pendidikan sekolah kebangsaan pada masa ini.

"SK Tamil tidak mempunyai masalah bagi pelaksanaan 240 minit itu namun kementerian mengambil jalan tengah selepas berunding dengan sekolah Cina untuk mengamalkan jumlah waktu yang sama," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran pelan itu di Kuala Lumpur hari ini.

Menteri Pendidikan itu menjelaskan kerajaan meneliti cadangan semua pihak dan cadangan pelaksanaan pelan itu melalui banyak proses yang mengambil masa selama dua tahun.

Beliau berkata, meskipun ada pihak yang menentang pelan pendidikan itu, namun kerajaan ikhlas untuk menambah baik kualiti pendidikan negara.

"Saya bertanggungjawab dalam hal pendidikan negara. Justeru, jika saya hendak baiki sistem pendidikan negara, jangan hendak marah.

"Kementerian akan membenteng laporan prestasi pelan ini setiap tahun. Jika semua yang kita rancang, dapat dilaksanakan lebih awal, lebih baik.

"Kita melihat apabila Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) tidak dilaksanakan, pelajar mempunyai lebih masa terluang," katanya.

Muhyiddin berkata, bagi melaksanakan masa tambahan pengajaran bahasa Melayu di sekolah vernakular, Kementerian Pendidikan akan merendahkan sukatan pelajaran supaya subjek itu lebih mudah dipelajari oleh murid Cina dan India.

Katanya, pelaksanaan itu akan dilaksanakan secara berperingkat apabila 1,600 sekolah yang masih mengamalkan persekolahan dua sesi dijadikan satu sesi.

Dalam perkembangan lain, timbalan perdana menteri itu turut menyentuh isu kemasukan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang masih belum dapat ditempatkan berikutan belum ada kekosongan di sekolah tempatan.

"Nama mereka masih ada dalam sistem kementerian tetapi masih banyak guru yang sepatutnya berpencen, masih belum berpencen," katanya.

Beliau turut meminta guru meningkatkan kesabararan berikutan penambahan beban kerja setelah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan.

Katanya, beban tersebut akan tidak lagi dirasakan setelah guru mula terbiasa dengan PBS itu tidak lama lagi.

"Meskipun guru terbeban, tetapi tiada peperiksaan. Guru akan hilang beban apabila terbiasa dengan sistem itu nanti," katanya. - 6 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-subjek-bm-diajar-240-minit-seminggu-di-sekolah-vernakular>